

**Nurul Fathiyah kongsi ilmu kepemimpinan, bukti gadis muda boleh memimpin**

**Oleh : Zulaika Zull Kafli & Farah Natasya Ghazali**



Nurul Fathiyah Idrus, 23, pelajar tahun 4 jurusan Bachelor Sains Komputer, Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan seorang pemimpin yang aktif menyandang pelbagai jawatan tertinggi khususnya dalam barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), UPM.

Dianugerahkan dengan sifat kepimpinan yang tinggi, anak bongsu daripada 10 adik-beradik ini cemerlang dalam memikul tugas sebagai seorang pemimpin yang disegani sehingga berjaya merangkul beberapa anugerah tokoh kepimpinan.

Antara jawatan tertinggi yang disandang oleh beliau ialah mantan Timbalan Setiausaha Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi Sesi 2018/2020, Timbalan Naib Yang DiPertua Pembangunan Insaniah Sesi 2017/2018 bagi Semester 3 dan 4, Timbalan Setiausaha Sesi 18/20 bagi Semester 5, 6 dan 7, dan *Caretaker* bagi Semester 8.

Penerima Anugerah Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (Putra Ikon) ini menjelaskan amanah yang dipikul datang bersama cabaran yang hebat dimana menyatukan pemahaman pemimpin lain yang berbeza parti adalah cabaran yang paling sukar dihadapinya

Menurut Nurul Fathiyah, untuk menyatukan pemimpin barisan MPP sebagai satu pasukan yang bergerak seiring adalah satu cabaran yang besar kerana setiap parti mempunyai perjuangan dan ideologi yang berbeza-beza. Namun, sebagai pemimpin barisan MPP fokus utama adalah untuk menggerakkan

MPP sebagai satu badan kepimpinan yang tertinggi di universiti yang hanya berfokus untuk menjaga kebijakan pelajar.

Katanya lagi “*to lead or to cope with other leaders is so much tougher than to lead followers. Ini kerana semua pasti ada ego sebagai pemimpin muda, semua ada prinsip tersendiri, apatah lagi mereka dipilih oleh pelajar jadi kadangkala agak sukar untuk menerima pandangan orang lain. Namun, cabaran itulah yang mematangkan dan membentuk kami barisan pemimpin untuk jadi lebih bijak. Begitu juga untuk membimbing orang lain, pemimpin perlu mengawal dan membentuk diri sendiri terlebih dahulu agar segala kepincangan atau terpesong daripada membimbing dengan baik dapat dielakkan*”, jelas beliau.

Penerima Anugerah Aspirasi Kelas 1 2019 dan Anugerah Kepemimpinan Siswi Terbaik Kolej Canselor ini turut berkongsi tips untuk cemerlang dan seimbang dalam bidang akademik dan kurikulum yang beliau amalkan iaitu dengan mewajibkan penyediakan jadual aktiviti sehari-hari beliau dimana beliau menyusun segala tarikh-tarikh penting untuk temu janji, perjumpaan, kelas dan sebagainya menerusi aplikasi masa kini iaitu *Google Calendar*.

Nurul Fathiya juga tidak menafikan faktor rakan sekeliling membantu beliau kekal cakna dalam setiap hal. Katanya “*sepanjang zaman universiti, Fath ada seorang rakan rapat yang ada sama jadual seperti Fath. Fath juga ada rakan-rakan dari program dan kolej yang sama serta barisan MPP sendiri jadinya boleh gerak seiring untuk pergi ke apa-apa majlis, perjumpaan atau untuk siapkan tugas kerana kami masing-masing mengingatkan satu sama lain*”, jelasnya berkongsi cerita.

Gadis yang lebih mesra disapa dengan panggilan Fath ini turut berkongsi pengalaman manis beliau sepanjang berkecimpung dalam dunia kepemimpinan sewaktu di alam universiti. Beliau berkata pengalaman manis buat beliau bukanlah sesuatu yang besar dan gah namun ia merupakan setiap cebisan pengalaman yang banyak mengajar beliau dalam pelbagai perkara.

Fath turut mengimbau kembali kenangan ketika beliau mengendalikan satu program kepimpinan yang disertai oleh segenap IPTA dan IPTS di Malaysia yang dirasmikan oleh Datin Seri Hajah Rosmah binti Mansor ketika beliau berada di tahun kedua. Beliau menyandang jawatan sebagai pengarah projek di mana beliau belajar banyak perkara dan juga perih, getir dalam menjayakan program tersebut. Katanya lagi, itu merupakan pengalaman paling manis beliau sepanjang bergelar pemimpin di alam universiti kerana program tersebut merupakan program terbesar yang pernah beliau tangani.

Berpegang pada prinsip “*You don’t know how high you can fly until you expand your wings*,” Fath percaya perlunya untuk seseorang bermula dengan sesuatu bagi mengetahui sejauh mana mereka mampu untuk maju dalam hidup terutamanya dalam mengembangkan bakat yang ada.

Sedar akan kejayaan tidak datang bergolek, Fath amat menekankan tentang pentingnya permulaan sesebuah usaha dan tidak mengambil pusing soal cabaran dan risiko yang bakal dihadapi. Fath turut berkata, cabaran akan sentiasa ada namun perlu sentiasa persoal akan kemampuan diri; adakah kita mampu untuk bertahan sebelum sampai ke destinasi akhir iaitu kejayaan yang sebenar.

Seterusnya, apabila ditanya berkenaan pengaruh beliau dalam mempengaruhi individu lain untuk menjadi pemimpin seperti beliau, Fath berkata dengan rendah diri bahawa beliau amatlah jauh untuk digelar sebagai pemimpin yang berjaya. Namun begitu, beliau juga tidak lokek dalam berkongsi ilmu bahawa sikap memimpin melalui teladan perlu diterap dalam diri setiap pemimpin dan perlunya kemahiran berupaya untuk memahami serta menghormati pandangan orang lain. Teguran dan kritikan yang diberi juga perlu diterima dengan hati yang terbuka agar sentiasa membuka ruang untuk memperbaiki diri, katanya lagi.

Fath atau Nurul Fathiyah yang baru sahaja selesai dengan latihan industri juga berkata, matlamat beliau pada tahun 2020 ini adalah untuk melahirkan lebih ramai pemimpin di bawah didikan beliau dalam bidang keusahawanan yang sedang diceburinya sekarang.

Mengakhiri temubual, beliau sempat memberi nasihat khususnya buat pelajar lain untuk tidak takut dalam menjalankan amanah sebagai seorang pemimpin. Tambahnya lagi, setiap individu haruslah sentiasa menambah ilmu pengetahuan melalui pembacaan dan bertanya daripada orang-orang yang lebih berpengalaman supaya kemahiran kepemimpinan dapat menjadi lebih baik dari hari ke hari.